

KLIA mesti siap ikut jadual — PM

SEPANG 27 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak akan membenarkan sebarang kelewatan atau pertambahan kos dalam pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Beliau memberitahu ketegasan itu adalah selaras dengan kepekaan kerajaan terhadap kelewatan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang kritikal, yang bukan sahaja tidak menepati jadual malah melibatkan pertambahan kos yang tinggi.

"Saya perlu menegaskan betapa pentingnya projek ini dilaksanakan mengikut jadual dan kos yang telah ditetapkan," katanya semasa berucap merasmikan upacara memecah tanah pakej pertama pembinaan terminal penumpang, pangkalan penghubung dan sistem pengurusan bagasi di bawah projek berkenaan di sini hari ini.

Kerja-kerja pakej pertama yang bernilai RM1,741 juta itu akan dilaksanakan oleh sebuah konsortium yang terdiri daripada Pemas Precision Engineering and Construction Sdn. Bhd, Taisei Corporation, Kajima Corporation, Shimizu Corporation dan Hazama.

Sebahagian daripada pakej yang dibiayai oleh pinjaman daripada Jepun ini mensyaratkan tempoh kontrak selama 33 bulan dan dijangka siap pada 15 September 1997.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik, Menteri Kerjaraya, Datuk Leo Moggie, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd. Isa Samad dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Mohd. Zin Ghani.

Perdana Menteri berharap pelak-

sanaan projek KLIA ini akan dapat mempercepatkan lagi proses pemindahan teknologi dan kepakaran pengurusan kepada kontraktor-kontraktor tempatan.

"Pemindahan teknologi ini juga tidak sepatutnya meliputi bidang kemampuan pengurusan teknikal semata-mata tetapi hendaklah meliputi seluruh bidang sehingga menjadikan proses berkenaan benar-benar bermakna," ujarnya.

Menjelaskan harapannya itu Dr. Mahathir mengingatkan, proses pemindahan teknologi tidak akan berjaya sekiranya rakan kongsi tempatan tidak benar-benar aktif berbuat demikian.

Profesional

Sehubungan itu katanya, adalah perlu setiap peluang diberikan kepada kontraktor, kontraktor kecil dan pembekal bumiputera bagi melibatkan mereka secara aktif dalam pembinaan lapangan terbang baru tersebut.

Perdana Menteri berkata, melalui proses pemindahan teknologi ini Malaysia akan mempunyai kumpulan mahir terdiri daripada para profesional dan teknikal yang mampu memainkan peranan penting ke arah mengukuhkan lagi industri pembinaan negara.

Beliau juga melahirkan harapan KLIA akan dapat menjadi pusat serantau yang mampu bersaing dengan lapangan terbang lain di rantau ini.

"Sebagai pusat pengendalian penumpang dan kargo yang moden, KLIA juga berperanan sebagai pintu masuk bagi perdagangan antarabangsa ke Malaysia dan ini akan menarik lebih ramai pelaburan dan perniagaan ke rantau ini.

"Bagi menjadikan KLIA sebagai pusat serantau pengurusan, lapangan terbang yang cekap amat

diperlukan kerana pengurusan yang tidak cekap hanya akan menjejaskan kejayaan KLIA sebagai sebuah pusat serantau," katanya.

Sehubungan itu Dr. Mahathir mahu strategi-strategi pemasaran tertentu diperkenalkan bagi membolehkan KLIA muncul sebagai pusat serantau untuk penumpang dan kargo.

"Katanya, langkah itu penting memandangkan dalam masa yang sama lapangan-lapangan terbang serantau yang lain kini turut mempertingkatkan kemampuan mereka.

Dalam sidang akhbar selepas majlis itu, Dr. Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan perkembangan kerja-kerja pembinaan KLIA yang dijanjikan akan siap mengikut jadual.

Mengenai peranan KLIA sebagai pusat serantau, Perdana Menteri mahu KLIA bukan sahaja mampu mengendalikan sambungan penerbangan dalam negeri malah menjadi pusat sambungan penerbangan serantau.

Beliau turut membayangkan betapa pentingnya bagi negara menyediakan keperluan tenaga manusia terlatih untuk mengendalikan lapangan-lapangan terbang seperti KLIA dengan cekap.

"Pengurusan dan pengendalian lapangan-lapangan terbang besar seperti KLIA akan memerlukan sekumpulan besar pengurus dan kakitangan berpengalaman yang seharusnya memiliki kemahiran dan sikap yang betul bagi tugas itu," katanya.

Dr. Mahathir berkata, tanpa perancangan tenaga manusia yang betul, kecacatan dalam masalah-masalah pengendalian boleh berlaku sekalipun sesebuah lapangan terbang itu mempunyai reka bentuk dan bangunan terbaik.